

**03/06/2016 - Majlis Penyampaian Amanat Sempena Pemangkuan Pegawai Tadbir Dan Diplomatik Pelbagai Gred**

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berbahagia Dato' Jalil bin Marzuki,  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Yang Berbahagia Dato' Mohtar bin Mohd Abd Rahman  
Pengarah Bahagian Perkhidmatan  
Jabatan Perkhidmatan Awam

Pegawai-pegawai kanan JPA;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang diraikan pada hari ini sekalian.

**PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, dapat kita berkumpul pada hari ini dalam Majlis Penyampaian Amanat Ketua Setiausaha Negara Sempena Urusan Pemangkuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Pelbagai Gred. Untuk makluman semua, urusan pemangkuan pada hari ini **melibatkan 246 pegawai** yang terdiri daripada:

- i. 65 orang PTD Gred M48 ke Gred M52 (pegawai lantikan 2/2004 dan sebelum);
- ii. 68 orang PTD Gred M44 ke Gred M48 (pegawai lantikan 3/2007 dan sebelum); dan
- iii. 113 orang PTD Gred M41 ke Gred M44 (pegawai lantikan 1/2011 dan sebelum).

2. **Syabas dan tahniah saya ucapkan** kepada saudara dan saudari semua kerana telah berjaya melangkah ke satu fasa baru di dalam kerjaya masing-masing. Semoga anda semua dapat menjalankan tanggungjawab dan amanat baru yang diberikan ini dengan penuh dedikasi dan komitmen.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

### **'FAST TRACK'**

3. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperkasakan perkhidmatan awam, dasar '*Fast Track*' telah diperkenalkan dimana para **pegawai muda yang berkebolehan dan berpotensi** akan dikenalpasti untuk jawatan-jawatan strategik yang lebih tinggi. Perkara ini telah pun direalisasikan apabila YBhg. Dato' Lokman Hakim bin Ali dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan dan merupakan **KSU termuda yang dilantik setakat ini**. Di samping beliau, perkhidmatan awam kini mempunyai beberapa orang Timbalan Ketua Setiausaha yang masih di usia pertengahan 40-an.

4. Pelantikan pegawai-pegawai muda ke jawatan-jawatan yang lebih tinggi adalah penting kerana mereka membawa **pendekatan dan ciri-ciri yang tersendiri**. Dalam keadaan tertentu, '*seniority*' tidak lagi menjadi asas kepada pemilihan seorang pegawai. Walaupun pegawai yang senior mempunyai lebih banyak pengalaman, namun ini tidak menjamin bahawa beliau dapat melaksanakan tugas tersebut dengan lebih baik.

5. Di sektor swasta, kita melihat perkara ini dilaksanakan dengan meluas. Walaupun kita masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan, perkhidmatan awam juga perlu berubah dengan keadaan semasa bagi melahirkan **sebuah institusi yang progresif dan dinamik** bagi menangani cabaran-cabaran akan datang.

Saudara-Saudari sekalian,

### **'BIG PICTURE THINKING'**

6. Sebagai seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang menjadi tunjang Perkhidmatan Awam, kita perlulah melengkapkan diri kita dengan sifat-sifat kepimpinan yang tertinggi. Salah satu sifat yang penting bagi seorang pemimpin masa kini adalah **kebolehan untuk berfikir dengan mengambil kira pelbagai perspektif atau 'Big Picture Thinking'**.

7. 'Big Picture Thinking' adalah keadaan di mana seseorang itu **menganalisa situasi, masalah dan juga peluang dari pelbagai sudut**. Bukan itu sahaja, malah kita perlu tahu faktor mana yang perlu diutamakan dalam kita menggubal dasar atau merancang pendekatan terhadap sesuatu masalah atau isu.

8. Dalam pemikiran secara 'Big Picture Thinking', idea-idea baru ditimbulkan walaupun ianya mungkin eksrim dan tidak konvensional. Dalam membuahkan idea-idea ini, pegawai perlu **berfikir secara inovatif dan kreatif dan tidak gentar** untuk melaksanakannya idea-idea tersebut.

9. Pemikiran 'Big Picture' ini adalah penting dalam keadaan masa kini di mana rakyat sentiasa memberikan komen dan maklumbalas terhadap dasar-dasar dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan. Bagi menerapkan nilai ini, pegawai-pegawai **perlulah banyak membaca dan meluaskan ilmu pengetahuan** dalam isu-isu yang berkait dengan kerja seharian.

10. Timbalah pengalaman dan luaskan pandangan anda terhadap dunia sekeliling. Janganlah menjadi 'katak di bawah tempurung' yang hanya selesa di ruang pejabat yang berhawa dingin. **Terapkan sifat 'Turun Padang'** bagi merasai denyut dan nadi rakyat agar kita memahami masalah yang dihadapi mereka.

11. Dengan berfikiran secara 'Big Picture', kita akan menjadi **lebih sensitif terhadap kesan dan tindakbalas terhadap keputusan-keputusan** yang diambil. Ini bagi memastikan 'stakeholders' kita tidak terkesan secara negatif yang akan menimbulkan masalah di kemudian hari.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

## **INTEGRITI**

12. Dalam Perkhidmatan Awam, aspek integriti sering kali dikaitkan dengan frasa ‘Saya Yang Menurut Perintah’ atau ‘SYMP’. ‘SYMP’ bukanlah bermaksud kita menurut perintah secara membuta tuli atau “Yes Boss”. Frasa ‘SYMP’ ini menuntut kita untuk **sentiasa beringat bahawa sebarang tindakan sebenarnya tertakluk kepada peraturan-peraturan** yang telah pun ditetapkan oleh Kerajaan.

13. Baru-baru ini kita telah menerima berita yang mengemparkan berkenaan tindakan tatatertib yang diambil terhadap seorang pegawai kanan Kementerian Belia dan Sukan kerana terlibat dengan perbuatan salah guna kuasa. Perkara ini tidak seharusnya berlaku jika **penjawat awam menerapkan nilai-nilai integriti yang tinggi** dalam kehidupan seharian.

14. Saya amat berharap para pegawai muda di hadapan saya ini, **akan terus menjunjung tinggi amanah yang diberikan**. Barangkali selepas ini ada di kalangan anda yang akan ditempatkan di tempat-tempat yang strategik atau jawatan-jawatan yang sensitif seperti di bahagian perolehan, pembangunan, pengeluaran lesen/permit dan sebagainya.

15. Bagi mengurangkan peluang salah guna kuasa, saya telah mengumumkan bahawa pegawai-pegawai yang **menyandang jawatan sensitif akan ditukarkan selepas tempoh 3-5 tahun**. Kita telah bermula dengan 50 orang pegawai dan pertukaran ini akan sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa bagi mengelakkan ketirisan dan peluang jenayah rasuah.

16. Namun begitu, usaha-usaha ini tidak akan membuahkan hasil jika nilai jatidiri dan integriti tidak ditanamkan di dalam jiwa pegawai. C.S. Lewis, ahli akademik dari Britain pernah berkata, **“Integrity is doing the right thing, even when no one is watching.”** Dengan itu, saya berharap penjawat awam dapat sentiasa melakukan **perkara-perkara yang baik dan betul tanpa perlu untuk dipantau sentiasa**. Peliharalah integriti kita sebagai penjawat awam sebaik-

baiknya, kerana tanpa integriti maka sia-sialah ikrar yang telah dilaungkan dan akujanji yang telah dimeterai.

Para hadirin sekalian,

## **PENUTUP**

17. Akhir sekali, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan mempunyai harapan yang tinggi ke atas saudara-saudari sekalian untuk membantu Perkhidmatan Awam bagi terus menempa kejayaan dan kecemerlangan. Saya yakin dan percaya bahawa saudara-saudari mampu memenuhi ekspektasi ini, dan akan terus komited bersama-sama **mendokong aspirasi Kerajaan ke arah melahirkan sebuah Negara yang maju dan tinggi nilai integritinya.**

18. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat bertugas di penempatan baru kepada saudara-saudari sekalian. Terimalah penempatan yang telah diberikan dengan hati terbuka, ikhlaskan hati berkhidmat untuk Negara. Bagi pegawai-pegawai yang beragama Islam, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **selamat berpuasa dan menyambut bulan Ramadhan yang akan bermula pada minggu hadapan.**

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2062>